

Malaysia keluarkan mikrocip sendiri —

Oleh
G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Malaysia akan mengeluarkan mikrocipnya sendiri untuk kegunaan pelbagai sektor industri tempatan apabila sebuah kilang yang dikendalikan oleh Institut Sistem Mikroelektronik (MIMOS) siap dibina pada tahun 1996, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kilang tersebut didirikan di Taman Teknologi berdekatan dengan Bukit Jalil di sini dengan pelaburan sebanyak RM110 juta.

Menurut Dr. Mahathir, kilang tersebut akan merupakan yang pertama dimiliki oleh Malaysia untuk mengeluarkan mikrocip seperti yang diusahakan oleh syarikat-syarikat asing.

"MIMOS akan ada kilang tersendiri untuk mengeluarkan mikrocip, menjadi kilang pertama yang dimiliki oleh Malaysia yang boleh me-

ngeluarkan mikrocip sepertimana yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat asing yang melabur di negara ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas melancarkan talian antarabangsa baru Projek Kerjasama Rangkaian Bersepadu Penyelidikan Termaju (JARING) di MIMOS di sini, hari ini.

Talian baru itu mempunyai kelajuan 1,536 kbps, satu peningkatan sebanyak 24 kali ganda berbanding dengan 64 kbps yang diperkenalkan pada November 1992.

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin mikrocip yang dikeluarkan oleh MIMOS itu kelak akan mendapat pasaran ekoran potensi yang ada sekarang termasuk dari industri automobil.

"Pasaran sudah ada di Malaysia, automobil memerlukan banyak mikrocip. Banyak pengeluar komputer di Malaysia pun memerlukan komponen itu.

■Lihat muka 2

Malaysia keluarkan mikrocip sendiri — PM

“Kadar (mikrocip) yang diperlukan sudah cukup untuk memasarkan keluarannya,” katanya.

Sebagai contoh kata beliau, PROTON yang mengeluarkan 100,000 unit kereta akan menggunakan sehingga 20 mikrocip dalam setiap unit.

Tambah beliau, dengan adanya kilang sendiri, Malaysia boleh mengeluarkan mikrocip yang sesuai dengan keperluan tempatan.

Utusan difahamkan, dengan langkah itu, Malaysia dapat menjimatkan antara 60 hingga 70 peratus kos mengimport mikrocip.

Dalam pada itu ketika ditanya mengenai prestasi MIMOS, Perdana Menteri berkata, sejak ditubuhkan sembilan tahun yang lalu, MIMOS mencapai kejayaan dengan memasarkan beberapa produk penyelidikan di pasaran tempatan dan luar negara.

“Walaupun pada mulanya kita tidak memikirkan tentang luasnya bidang ini, tetapi dalam bidang mikroelektronik ini, kita memerlukan peningkatan dengan secepat yang mungkin.

“Saya berasa puas hati kerana MIMOS berjaya maju jauh ke hadapan ... Sekarang ini MIMOS dapat

memasarkan beberapa produk penyelidikan di pasaran tempatan dan luar negara,” katanya.

Kata beliau, dengan adanya JARING, setiap pengguna dapat maklumat-maklumat yang terdapat di hampir di seluruh negara.

“Ini menunjukkan MIMOS mendorong menjayakan kemajuan Malaysia dalam bidang teknologi mikroelektronik di negara ini, di mana bidang ini amat penting sekali memandangkan bahawa di zaman ini maklumat adalah penting untuk membangunkan sesebuah negara,” katanya lagi.

Maklumat terkini

Menurut beliau, sistem JARING ini amat berguna dalam mendapat maklumat terkini terutama dalam bidang teknologi.

Ketika ditanya sama ada galakan akan diberi kepada sektor swasta untuk bekerjasama dengan MIMOS, Dr. Mahathir berkata, insentif tidak perlu diberikan kepada swasta memandangkan penggunaan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh institut itu akan memberi faedah kepada pihak berkenaan.

“Swasta boleh bekerjasama dengan MIMOS, boleh gunakan kemudahan walaupun terpaksa membayar sedikit sebanyak.

“Saya fikir tidak perlu galakan kerana industri telah pun sedar betapa penting dan untungnya menggunakan teknologi dalam bidang elektronik,” katanya.

Kata beliau, banyak yang perlu dilakukan bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti MIMOS demi memberikan perkhidmatan yang terbaik.

“Pihak kerajaan ingin membantu MIMOS seberapa yang boleh dan setakat yang kita mampu supaya ia dapat meningkatkan keupayaan dan ciptaan mikrocip,” katanya.

Dr. Mahathir juga mengumumkan penubuhan Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat yang dipengerusikan oleh beliau sendiri dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku timbalan pengerusi.

Majlis tersebut dijangka mengadakan mesyuarat pertamanya tidak lama lagi bagi mengatur program-program yang akan dikendalikan kelak.